



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PANGKALAN DATA SURAT KHABAR KOLEKSI NEGARA DIPERKASA**

---

**PUTRAJAYA, 25 April** - Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan rakyat melalui **Pangkalan Data Surat Khabar Koleksi Negara (PNMNewsHub)**.

Inisiatif ini diuruskan oleh Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN), sebuah bahagian di bawah PNM yang berfungsi mengesan dan mengumpul bahan terbitan daripada penerbit kerajaan dan bukan kerajaan selaras dengan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Bahan yang dikumpul merangkumi monograf, terbitan bersiri, serta sumber elektronik dan digital.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata melalui Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), **proses carian Koleksi Negara bagi bahan surat khabar kini berjaya dipendekkan daripada tiga (3) hari kepada satu (1) hari**, sekali gus meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pengguna.

Antara manfaat utama inisiatif ini ialah:

- \* Akses kepada bahan surat khabar Koleksi Negara menjadi lebih pantas untuk tujuan rujukan.
- \* Kos pengguna dapat dikurangkan kerana bahan boleh diperoleh dalam tempoh singkat tanpa perlu hadir kali kedua.
- \* Penjimatan masa pengguna tanpa perlu menunggu sehingga tiga hari.
- \* Rekod kedudukan dan pemantauan bahan rujukan dapat dikenal pasti serta direkodkan secara sistematik.

Usaha ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkukuh budaya ilmu, memperkasa inovasi, dan memastikan akses maklumat yang lebih efisien serta inklusif kepada rakyat.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

25 April 2026

KPN.100-9/1/16 ( **38** )

